



JABATAN HAL EHWAL AGAMA ISLAM NEGERI SABAH

حياتنا خير احوال اكلها السلام

## KHUTBAH JUMAAT PERTAMA DAN KEDUA

17 MUHARRAM 1445H/ 04 OGOS 2023M

### SIFAT PEMAAF, PENAWAR HATI

Disediakan oleh

Bahagian Penyelidikan & Sebaran Am, Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Negeri Sabah (JHEAINS)

#### Arahan kepada PTA/ PPMD/ AJK MASJID/ SURAU:

- Seksyen 97, Enakmen 3 Tahun 1995, Enakmen Kesalahan Jenayah Syariah 1995, Bahagian IV - Kesalahan Khutbah menyatakan bahawa menjadi kesalahan bagi khatib yang membaca khutbah Jumaat yang bukan disediakan, disemak atau diluluskan oleh Majlis dan boleh, apabila disabitkan, dikenakan hukuman denda tidak melebihi dua ribu ringgit atau penjara selama tempoh tidak melebihi satu tahun atau kedua-duanya sekali.
- Khatib hendaklah menyemak terlebih dahulu khutbah ini sebelum disampaikan kepada para jemaah supaya sempurna rukun dan baris agar dapat disampaikan dengan fasih dan lancar.
- Khutbah ini hendaklah dibaca oleh Imam Qariah atau Imam Rawatib yang bertugas di masjid atau surau yang berkenaan kecuali ada kebenaran khas dari Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Negeri Sabah (JHEAINS).
- Khutbah hendaklah disampaikan pada tarikh dan masa yang ditetapkan oleh JHEAINS.
- Khatib tidak dibenarkan meminda isi perkataan dalam khutbah ini kecuali untuk menyempurnakan rukun khutbah, kesilapan ejaan dan baris pada ayat-ayat al-Quran & Hadis yang terkandung di dalamnya.
- Khutbah hendaklah disampaikan dalam tempoh 10 - 15 minit sahaja.

KHUTBAH TELAH DISEMAK

TARIKH DISEMAK : .....

PEGAWAI PENYEMAK : .....

ABD. RAZAK BIN HAMDIN  
Ketua Penolong Pengarah  
Bahagian Penguatkuasaan Undang-Undang Syariah  
Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Negeri Sabah

01/08/2023



Mohon semak QR code ini jika ada sebarang cadangan penambahbaikan. Sekian, terima kasih

KHUTBAH RASMI JHEAINS

DILULUSKAN PADA : 2/8/2023

DIBACA PADA : 4/8/2023

DILULUSKAN OLEH : .....

ABU HARIJUN HJ ALWI  
Ketua Penolong Pengarah  
Bahagian Penyelidikan & Sebaran Am  
Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Negeri Sabah

**KHUTBAH JUMAAT**  
**SIFAT PEMAAF, PENAWAR HATI**

الْحَمْدُ لِلَّهِ الْقَائِلِ :

الَّذِينَ ءَامَنُوا وَتَطْمَئِنُّ قُلُوبُهُمْ بِذِكْرِ اللَّهِ أَلَا بِذِكْرِ اللَّهِ تَطْمَئِنُّ الْقُلُوبُ (الرعد)

(28:(13)

أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ ، وَأَشْهَدُ أَنَّ مُحَمَّدًا عَبْدُهُ

وَرَسُولُهُ، اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ وَبَارِكْ عَلَي حَبِيبِنَا وَشَفِيعِنَا مُحَمَّدٍ، أَشْرَفِ

الْأَنْبِيَاءِ وَالْمُرْسَلِينَ، وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ أَجْمَعِينَ، وَالتَّابِعِينَ لَهُمْ بِإِحْسَانٍ إِلَى

يَوْمِ الدِّينِ.

أَمَّا بَعْدُ، فَيَا عِبَادَ اللَّهِ، اتَّقُوا اللَّهَ، وَتَزَوَّدُوا فَإِنَّ خَيْرَ الزَّادِ التَّقْوَى، فَقَدْ فَازَ

الْمُتَّقُونَ.

**SIDANG JUMAAT YANG DIRAHMATI ALLAH SEKALIAN,**

Saya menyeru dan berpesan kepada sidang jemaah sekalian agar kita bersama- sama meningkatkan ketaqwaan kepada Allah SWT dalam diri

kita dengan menghayati seluruh Syariat Islam di dalam kehidupan di samping taat mengerjakan segala yang diperintahkan dan menghindari segala larangan-Nya.

Pada hari ini, khatib akan menyampaikan khutbah yang bertajuk: **"SIFAT PEMAAF, PENAWAR HATI"**.

### **HADIRIN YANG DIRAHMATI ALLAH,**

Hati dan jiwa setiap manusia saling bergerak antara satu sama lain, dan ia memainkan peranan penting dalam membentuk sifat seseorang. Sekiranya hati seseorang itu dibelenggu oleh perkara negatif, maka akan terhasilnya oleh seseorang itu sifat mazmumah (keji) yang mempengaruhi jiwanya. Sebaliknya, jika hati itu dihiasi oleh amalan-amalan positif, maka akan melahirkan jiwa yang berakhlak mahmudah (terpuji), dan untuk mencapai sifat tersebut, antaranya, adalah dengan menjadi seorang yang pemaaf.

Memaafkan, dalam konteks pengertian, adalah mengamalkan sikap berlapang dada dan mengelakkan daripada sebarang perkara yang boleh membawa kepada pertelingkahan sesama insan. Amalan ini penting demi menghindarkan kita daripada melakukan tindak balas berunsur kejahatan, serta mengelakkan permusuhan dalam kalangan masyarakat. Di samping itu, seseorang yang memaafkan dapat mencerminkan sikap rahmat serta memberikan ketenangan pada diri seseorang daripada dibinasa akibat perasaan dendam dan hasad dengki. Firman Allah dalam Surah al-A'raf, ayat 199, telah menyatakan:

خُذِ الْعَفْوَ وَأْمُرْ بِالْعُرْفِ وَأَعْرِضْ عَنِ الْجَاهِلِينَ

**Bermaksud:** “Terimalah apa yang mudah engkau lakukan, dan suruhlah dengan perkara yang baik, serta berpalinglah (jangan dihiraukan) orang-orang yang jahil (yang degil dengan kejahilannya).”

### **HADIRIN YANG DIRAHMATI ALLAH,**

Sebagai umat Islam, kita hendaklah mencontohi sifat dan akhlak, dinamakan sunnah, yang disampaikan oleh diri baginda Rasulullah SAW dalam menjalani kehidupan seharian iaitu dengan memupuk sifat saling bermaafan sesama insan. Malah, kita digalakkan untuk mendoakan kepada mereka yang melakukan kesilapan supaya diberi hidayah dan petunjuk oleh-Nya, sepertimana dalam satu peristiwa yang berlaku ketika penghijrahan Rasulullah SAW ke Thaif, di mana dakwah baginda telah ditolak dan dilempari batu oleh bani Thaqif. Meskipun baginda ditawarkan oleh malaikat Jibril a.s untuk membinasakan mereka, namun Rasulullah SAW tetap mendoakan mereka supaya diberi pengampunan Allah SWT.

Pendekatan baginda Rasulullah SAW untuk bersabar dan memaafkan merupakan satu *uswah hasanah* (ikutan teladan yang baik) yang patut diikuti setiap manusia, sepertimana firman Allah SWT dalam Surah as-Syuraa, ayat 43 yang menyatakan:

وَلَمَنْ صَبَرَ وَغَفَرَ إِنَّ ذَٰلِكَ لَمِنْ أَعْمَارِ

**Bermaksud:** *“Dalam pada itu (ingatlah), orang yang bersabar dan memaafkan (kesalahan orang terhadapnya), sesungguhnya yang demikian itu adalah dari perkara-perkara yang dikehendaki diambil berat (melakukannya).”*

Justeru, sikap pemaaf merupakan amalan yang sangat mulia di sisi Allah yang perlu diterapkan pada hati dan jiwa setiap muslim dalam mengukuhkan hubungan dengan saling mencintai sesama insan. Dalam satu hadis yang diriwayatkan oleh Imam al-Bukhari (Sahih al-Bukhari, No. 13), Rasulullah SAW telah bersabda,

*“Tidak sempurna keimanan seseorang daripada kalian, sebelum dia mencintai saudaranya (sesama Muslim) sebagaimana dia mencintai dirinya sendiri.”*

#### **HADIRIN YANG DIRAHMATI ALLAH,**

Al-Qur'an dan hadis telah banyak memperincikan tentang kelebihan sifat seorang yang pemaaf. Antaranya, seseorang yang memaafkan insan lain, akan diberikan ganjaran pahala yang dijamin oleh Allah SWT sendiri. Firman Allah SWT dalam Surah Asy-Syuuraa, ayat 40 yang **bermaksud:** *“Dan balasan sesuatu kejahatan adalah kejahatan yang setimpal dengannya, maka sesiapa yang memaafkan dan berbuat baik (kepada orang yang menzaliminya) maka pahalanya dijamin oleh Allah. Sesungguhnya Dia tidak menyukai orang-orang yang zalim.”*

Selain itu, Allah SWT turut meninggikan darjat dan kemuliaan seseorang yang memaafkan kesalahan orang lain seperti mana sabda Rasullullah SAW,

*"Harta tidak akan berkurangan dengan sebab sedekah. Dan Allah SWT tidak menambah kepada seseorang hamba dengan sebab kemaafan yang diberikan (kepada orang lain), melainkan kemuliaan dan tiada merendah diri seseorang itu melainkan Allah SWT akan mengangkat darjatnya."*

(Sahih Muslim, No. 2588)

Justeru, sebagai umat Islam, kita hendaklah memohon kemaafan kepada orang-orang yang pernah kita zalimi atau sakiti, serta membuang sifat sombong pada diri untuk mengakui kesilapan kita terhadap orang lain. Ini kerana Allah SWT tidak akan mengampunkan dosa seseorang sekiranya kesalahan itu melibatkan hak manusia yang lain, kecuali setelah kita telah dimaafkan oleh orang tersebut.

### **SIDANG JUMAAT YANG DIRAHMATI ALLAH SEKALIAN,**

Kesimpulan dari khutbah hari ini, khatib ingin mengingatkan kepada diri sendiri serta jamaah jumaat yang lain bahawa:

1. **Pertama:** Allah SWT menjanjikan untuk meninggikan darjat bagi mereka yang sabar menghadapi ujian hidup serta memaafkan orang lain.
2. **Kedua:** Mencontohi keperibadian Rasulullah SAW dalam kehidupan seharian sebagai sunnah.

3. **Ketiga:** Sifat pemaaf dan tasamuh (berlapang dada) hendaklah disemai dalam diri demi mencapai keharmonian di samping mengukuhkan semangat kekeluargaan dalam negara.

Firman Allah SWT dalam surah al-Ma'idah, ayat 3:

...أَلْيَوْمَ أَكْمَلْتُ لَكُمْ دِينَكُمْ وَأَتَمَمْتُ عَلَيْكُمْ نِعْمَتِي وَرَضِيتُ لَكُمُ الْإِسْلَامَ  
دِينًا ...

**Maksudnya:** "...Pada hari ini, Aku telah sempurnakan bagi kamu agama kamu dan Aku telah cukupkan nikmatKu kepada kamu dan Aku telah redakan Islam itu menjadi agama untuk kamu..."

بَارَكَ اللَّهُ لِي وَلَكُمْ بِالْقُرْآنِ الْعَظِيمِ وَنَفَعَنِي وَإِيَّاكُمْ بِمَا فِيهِ مِنَ الْآيَاتِ  
وَالذِّكْرِ الْحَكِيمِ وَتَقَبَّلَ مِنِّي وَمِنْكُمْ تِلَاوَتَهُ إِنَّهُ هُوَ السَّمِيعُ الْعَلِيمُ. أَقُولُ  
قَوْلِي هَذَا وَاسْتَغْفِرُ اللَّهَ الْعَظِيمَ لِي وَلَكُمْ وَلِسَائِرِ الْمُسْلِمِينَ  
وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ الْأَحْيَاءِ مِنْهُمْ وَالْأَمْوَاتِ،  
فَاسْتَغْفِرُوهُ إِنَّهُ هُوَ الْغَفُورُ الرَّحِيمُ.

## تیک س خطبہ کدوا

الْحَمْدُ لِلَّهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ ، وَالصَّلَاةُ وَالسَّلَامُ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ النَّبِيِّ الْأُمِّيِّ ، وَعَلَى آلِهِ  
وَأَصْحَابِهِ الطَّاهِرِينَ وَمَنْ تَبِعَهُمْ بِإِحْسَانٍ إِلَى يَوْمِ الدِّينِ .

أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ ، وَأَشْهَدُ أَنَّ سَيِّدَنَا مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ .

أَمَّا بَعْدُ ، فَيَا عِبَادَ اللَّهِ ، اتَّقُوا اللَّهَ حَقَّ تَقَاتِهِ وَاعْلَمُوا أَنَّ اللَّهَ أَمْرَكُمْ بِأَمْرٍ عَظِيمٍ ، أَمْرَكُمْ  
بِالصَّلَاةِ وَالتَّسْلِيمِ عَلَى نَبِيِّهِ الْكَرِيمِ ، فَقَالَ اللَّهُ تَعَالَى :

إِنَّ اللَّهَ وَمَلَائِكَتَهُ يُصَلُّونَ عَلَى النَّبِيِّ يَا أَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا صَلُّوا عَلَيْهِ وَسَلِّمُوا تَسْلِيمًا

اللَّهُمَّ صَلِّ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِ سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ ، كَمَا صَلَّيْتَ عَلَى سَيِّدِنَا إِبْرَاهِيمَ  
وَعَلَى آلِ سَيِّدِنَا إِبْرَاهِيمَ ، وَبَارِكْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِ سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ كَمَا بَارَكْتَ  
عَلَى سَيِّدِنَا إِبْرَاهِيمَ وَعَلَى آلِ سَيِّدِنَا إِبْرَاهِيمَ فِي الْعَالَمِينَ إِنَّكَ حَمِيدٌ مَجِيدٌ .

اللَّهُمَّ ارْضَ عَنِ الْخُلَفَاءِ الرَّاشِدِينَ وَعَنْ بَقِيَّةِ الصَّحَابَةِ وَالْقُرَابَةِ أَجْمَعِينَ وَعَنْ التَّابِعِينَ  
وَتَابِعِي التَّابِعِينَ وَمَنْ تَبِعَهُمْ بِإِحْسَانٍ إِلَى يَوْمِ الدِّينِ وَارْضَ عَنَّا مَعَهُمْ يَا أَكْرَمَ الْأَكْرَمِينَ .

اللَّهُمَّ اغْفِرْ لِلْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ الْأَحْيَاءِ مِنْهُمْ وَالْأَمْوَاتِ .  
اللَّهُمَّ أَنْزِلِ الرَّحْمَةَ وَالْبَرَكَاتِ وَالْهُدَايَةَ وَالسَّلَامَةَ وَالسَّكِينَةَ وَالصِّحَّةَ الدَّائِمَةَ عَلَيْنَا وَعَلَى

مَلِكِنَا كِبَاوَه دُولِي يَغْ مَهَا مَوْلِيَا سَرِي قَادُوك بَكِينِدَا يَغْ دَفْرَتَوَان اَكُوغْ وَفَخَامَةِ الرَّئِيسِ  
الْأَعْلَى تَوَان يَغْ تَرَاوَتَام يَغْ دَفْرَتَوَان نَكْرِي سَابِه . وَاجْعَلِ اللَّهُمَّ هَذِهِ الْبَلْدَةَ وَسَائِرَ بِلَادِ  
الْمُسْلِمِينَ آمِنَةً مُطْمَئِنَّةً ، إِنَّكَ رَعُوفٌ رَحِيمٌ .



اللَّهُمَّ ادْفَعْ عَنَّا الْبَلَاءَ وَالْوَبَاءَ وَالْفَحْشَاءَ وَالْمُنْكَرَ وَالْمِحْنَ وَالْفِتْنَ، مَا ظَهَرَ مِنْهَا وَمَا بَطَّنَ، مِنْ بَلَدِنَا هَذَا خَاصَّةً، وَمِنْ بُلْدَانِ الْمُسْلِمِينَ عَامَّةً، إِنَّكَ عَلَى كُلِّ شَيْءٍ قَدِيرٌ.

Ya Allah! Naungilah kehidupan kami dengan kesejahteraan, keamanan, dan keselamatan serta kurniakanlah kepada kami rezeki yang halal lagi diberkati. Hiasilah diri kami dengan sifat-sifat terpuji dan jauhi kami dari sifat-sifat yang terkeji.

Ya Allah, Jadikanlah kami dan daripada keturunan kami orang-orang yang istiqamah mendirikan solat secara berjemaah, menunaikan zakat, berpuasa dalam bulan Ramadan, mengerjakan ibadah haji, mewakafkan harta dan berinfaq pada jalan yang Engkau redhai. Sesungguhnya hanya kepadaMu jua Ya Allah tempat kami mengadu dan memohon pertolongan.

رَبَّنَا آتِنَا فِي الدُّنْيَا حَسَنَةً وَفِي الْآخِرَةِ حَسَنَةً وَقِنَا عَذَابَ النَّارِ.

عِبَادَ اللَّهِ ،

إِنَّ اللَّهَ يَأْمُرُ بِالْعَدْلِ وَالْإِحْسَانِ وَإِيتَايَ ذِي الْقُرْبَىٰ وَيَنْهَىٰ عَنِ الْفَحْشَاءِ وَالْمُنْكَرِ وَالْبَغْيِ  
يَعْظُمُ لِعَلَّكُمْ تَذَكَّرُونَ

فَاذْكُرُوا اللَّهَ الْعَظِيمَ يَذْكُرْكُمْ، وَاشْكُرُوهُ عَلَىٰ نِعْمِهِ يَزِدْكُمْ، وَاسْأَلُوهُ مِنْ فَضْلِهِ يُعْطِكُمْ  
وَلَذِكْرُ اللَّهِ أَكْبَرُ، وَاللَّهُ يَعْلَمُ مَا تَصْنَعُونَ.

\*\*\*\*

Disediakan dan diedar oleh:  
Bahagian Penyelidikan dan Sebaran Am  
Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Negeri Sabah

**NOTA:** Teks khutbah ini mengandungi potongan ayat-ayat al-Quran dan Hadis Rasulullah SAW. Mohon jaga dengan cermat dan tidak disepahkan.

Sebarang pertanyaan atau maklum balas, sila hubungi  
Unit Penerbitan, Bahagian Penyelidikan dan Sebaran Am  
Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Negeri Sabah  
Tel: 088-522142 / [jheains.penerbitan@gmail.com](mailto:jheains.penerbitan@gmail.com)